

Kepercayaan terhadap Pak Lah dan kematangan buat pilihan

Oleh Mior Kamarul Shahid

GELOMBANG ketiga yang dijaja Pas sejak lebih empat tahun lalu untuk menawan Kedah setelah Kelantan (gelombang pertama) dan Terengganu (gelombang kedua) - berkecai. Sebaliknya, harapan Pas untuk memerintah bagi penggal kedua di Terengganu - hancur lebur. Begitu juga, cita-cita besar Pas untuk menakluk Perlis dengan meletakkan pengamal perubatan Islam dan Ketua Penerangan parti itu, Datuk Dr Haron Din yang dianggap berpengaruh di kalangan orang Melayu - hanya tinggal harapan.

Pada masa sama, minat gabungan pembangkang yang meletakkan calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan) untuk memalukan kerajaan dengan harapan tinggi untuk menawan kawasan Parlimen Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan Pusat - masuk angin keluar asap. Perubahan yang jelas, golongan muda yang selama ini dianggap menentang kerajaan - mengubah haluan. Sisa-sisa pemerintahan Pas selama 14 tahun di Kelantan - tergugat apabila menang tipis dengan 24-21 bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Rakyat Kelantan memberi Umno tapak yang kukuh di negeri itu.

Inilah antara episod menarik pada Pilihan Raya Umum Ke-11 yang menyaksikan Barisan Nasional (BN) menang bergaya di semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Walaupun kerajaan Pas Kelantan masih bertahan, BN memberi laluan yang begitu sukar sehinggakan pengiraan semula undi terpaksa dilakukan di lapan kawasan.

Dalam ketiadaan isu dominan yang boleh menggugat, BN diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendapat mandat baru yang begitu besar daripada rakyat. Keputusan pilihan raya itu menunjukkan rakyat memberi ikrar sokongan yang padu kepada kepimpinan baru Abdullah.

Walaupun baru empat bulan menerajui negara, Abdullah bijak mengatur langkah, pintar menyusun strategi, pandai menawan hati, cekap menampun serangan dan paling penting dasar yang cuba diperkenalkannya menepati cita rasa rakyat, apatah lagi peribadi beliau amat disenangi.

Walaupun Pas masih memerintah Kelantan setelah menerima saingan paling sengit, kemerosotan sokongan ternyata terserlah. Dengan menduduki 21 kerusi di negeri itu, BN akan menjadi pembangkang yang efektif. Pas tidak boleh lagi melakukan sesuka hati kepada rakyat Kelantan yang mengharapkan pembangunan.

Daripada hanya menduduki dua kerusi DUN pada pilihan raya 1999, BN menambah 19 lagi kerusi, satu tamparan paling hebat ke atas Pas. Bagi kerusi Parlimen, BN memenangi lapan daripada 14 kerusi berbanding satu kerusi pada 1999. Walaupun sebelum ini ramalan menyatakan bahawa harapan BN di Kelantan sebagai 'gone case', ternyata tidak semudah itu.

Kejatuhan Terengganu ke tangan BN, kemerosotan prestasi Pas di Kelantan dan kegagalan cita-cita Pas menawan Kedah membuktikan rakyat boleh membezakan antara cakap-cakap kosong dan pembangunan fizikal yang tersergam di depan mata. Pemimpin Pas boleh bercakap apa saja, tetapi akhirnya rakyat akan bertanya, apa hasilnya? Pemimpin BN bercakap dan merancang, hasilnya rakyat mendapat kemudahan pendidikan, kesihatan dengan pembinaan hospital, lebuhraya, bekalan



KEHADIRAN Abdullah di Terengganu sentiasa mendapat sambutan masyarakat pelbagai kaum sekali gus menunjukkan kepemimpinan beliau serta manifesto Barisan Nasional bagi membangunkan negeri itu diterima rakyat. - Gambar oleh Shuhaimi Ahmad

Walaupun baru empat bulan menerajui negara, Abdullah bijak mengatur langkah, pintar menyusun strategi, pandai menawan hati, cekap menampun serangan dan paling penting dasar yang cuba diperkenalkannya menepati cita rasa rakyat, apatah lagi peribadi beliau amat disenangi

elektrik, air, peluang perniagaan dan anak-anak mendapat kerja. Pas bercakap soal Islam sedangkan kerajaan BN diterajui Umno terlebih dulu mengisi setiap keinginan umat Islam - dari pembinaan surau dan masjid hinggalah kepada institusi kewangan Islam. Kekalahan tokoh Pas seperti Datuk Seri Abdul Hadi Awang di kawasan Parlimen Marang, Datuk Mustafa Ali (Parlimen Dungun dan DUN Pengkalan Berangan), Nashrudin Mat Isa (Parlimen Besut) di Terengganu, Mahfuz Omar (Parlimen Pokok Sena), Taib Azzamuddin Md Taib (Parlimen Baling) dan Mohamad Sabu (Parlimen Kuala Kedah) di Kedah, Datuk Dr Hassan Mohd Ali (Parlimen Parit Buntar, Perak dan DUN Sungai Burung, Selangor), Datuk Dr Haron Din (Parlimen Arau dan DUN Tambun Tulang) di Perlis serta Dr Lo'Lo' Mohd Ghazali (Parlimen Bukit Gantang) di Perak memberi tamparan hebat kepada parti itu.

Pengundi Melayu tidak menolak Islam sebaliknya mereka tidak memilih calon Pas, walaupun mereka menggunakan Islam sebagai lambang perjuangan. Dalam Umno, ramai tokoh agama dan ulama yang diketengahkan untuk melaksanakan syiar Islam.

Keputusan pilihan raya kali ini juga menunjukkan tanda-tanda nyata bahawa perjuangan Keadilan sudah sampai ke penghujungnya. Dengan hanya mengharapkan kerusi tunggal Presidennya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang menang tipis ke atas Datuk Pirdaus Ismail, bekas Imam Besar Masjid Negara di kawasan Parlimen Permatang Pauh, Keadilan dianggap tidak lagi relevan dalam konteks politik tanah air. Perpecahan yang berlaku dalam parti, ketiadaan pemimpin

berkaliber dan isu perjuangan yang samar-samar, meletakkan Keadilan dalam keresahan - hanya retak menunggu belah.

Di Terengganu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Idris Jusoh yang menang di DUN Jeritih mengalahkan Hassan Salleh (Pas) dengan majoriti 2,633 undi lega kerana Gelombang Biru yang dibawanya mengena sasaran. BN menguasai 28 daripada 32 DUN di negeri itu, manakala empat dimiliki Pas, kedudukan yang sama sewaktu Pas menguasai Terengganu pada pilihan raya 1999.

Idris hampir pasti dilantik sebagai Menteri Besar yang baru bagi menggerakkan semula negeri itu ke arah pembangunan rohaniah dan jasmani. Sebenarnya Pas Terengganu itu tidak seharusnya kecewa kerana apa yang mereka miliki selama satu penggal lalu itu adalah usaha dan titik peluh kerajaan BN yang memerintah negeri itu sebelum ini. Pas hanya mengembalikannya kepada yang berhak.

Di Kelantan, walaupun BN gagal merampas semula negeri itu dan dengan kedudukan 24-21 bagi kerusi DUN, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed yang menang di kerusi Parlimen Jeli dan DUN Air Panas mempunyai tugas besar untuk mengembalikan keagungan Umno di negeri itu.

BN boleh menang di Kelantan sekiranya sedikit kekeruhan hingga menimbulkan sabotaj dapat ditangani. Sekali pun mengikut amalan demokrasi BN akur dengan kekalahan di Kelantan, ia adalah satu kejayaan yang amat memberangsangkan.

Kerusi Parlimen Putrajaya juga amat menarik perhatian kerana ada

percubaan untuk memalukan kerajaan BN apabila Keadilan bercita-cita untuk menduduki kerusi itu.

Bagaimanapun, wakil BN Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor menang dengan undi majoriti 3,546 undi ke atas calon Keadilan, Abdul Rahman Othman.

Takkanlah penduduk sekitar Putrajaya yang hidup di rumah baru yang begitu indah lengkap serba-serbi dengan persekitaran yang dicemburui oleh penduduk lain, ingin memberi kemenangan kepada pembangkang, apatah lagi di situlah tempat mereka mencari rezeki. Kononnya, gabungan pembangkang berangan-angan untuk mewakili penduduk Putrajaya kerana di situlah lambang kemegahan negara. Hasilnya, Keadilan hilang wang pertaruhan.

Di kawasan Parlimen Taiping, Perak, cubaan untuk melihat Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M Kayveas kecundang berikutan isu tuntutan kerusi dan perpindahan kawasan, tidak menjadi kerana pengundi di kawasan itu terus menyokong calon BN itu.

Beliau mendapat 20,129 undi mengalahkan calon DAP, Ong Chee Keng 17,957 undi dan calon Keadilan P Annah Dorai yang mendapat 4,371 undi. Isu Kayveas agak menarik kerana beliau yang pada awalnya diletakkan di Bukit Gantang mendapat tentangan. Ramai yang menjangkakan beliau akan tewas di Taiping, tetapi ramalan atas kertas tidak sama dengan perhitungan pengundi.

Pilihan raya kali ini juga menyaksikan kemunculan semula Pengerusi DAP, Lim Kit Siang di kawasan Parlimen Ipoh Timur dan Karpal Singh di kawasan Parlimen Bukit Gelugor. Kedua-dua pemimpin berkenaan yang ditolak pada pilihan raya umum lalu boleh dianggap sebagai simbol lama yang akan menggantikan barisan pembangkang yang sebelum ini dikuasai Pas. Mengambil kira keputusan rasmi tiga kerusi Parlimen - Machang, Bukit Bintang dan Kota Melaka masih belum diketahui, DAP sudah memiliki 12 kerusi Parlimen berbanding Pas (tujuh), Keadilan (satu) dan Bebas (satu).

BN menduduki 195 daripada 205 kerusi Parlimen berbanding 148 daripada 193 kerusi pada 1999 sebelum persempadanan semula kawasan pilihan raya. Pada Pilihan Raya Umum 1999, Pas mempunyai 27 kerusi Parlimen, DAP (10), Keadilan (lima) dan Parti Bersatu Sabah (PBS) (tiga). PBS kemudian menganggotai BN. Perangkaan ini menunjukkan kemerosotan yang teruk bagi Pas dan Keadilan manakala prestasi DAP masih boleh dianggap masih bertahan.

Berbanding ketua parti pembangkang yang mula ditolak rakyat, Perdana Menteri membuktikan prestasi yang lebih baik di kawasan Kepala Batas. Abdullah mengalahkan calon Pas, Abdul Khalid Rashid dengan undi majoriti 18,122. Abdullah mendapat 25,403 undi manakala lawannya 7,281 undi.

Kerusi ini tidak begitu menarik perhatian umum kerana penyertaan Abdul Khalid hanya dianggap sebagai mengisi tempat kosong. Tidak ada seorang tokoh pembangkang pun berani 'meletak leher' di Kepala Batas kerana ia adalah kerusi tradisi Abdullah sejak tujuh penggal lalu.

Di Kawasan Parlimen Pekan, Pahang, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, walaupun pada mulanya digambarkan ditentang sengit oleh Brig Jen (B), Datuk Zakaria Dahalan (Pas), keputusan menunjukkan Najib memperoleh 31,956 undi, manakala lawannya hanya 9,034. Menang tipis pada 1999 yang mana Najib hanya menang dengan kelebihan 241 undi di kawasan itu, ditebus.

Umumnya, undi BN meningkat walaupun masih ada kawasan yang terpaksa dikira semula dan pembuangan undi di DUN Sungai Lembing terpaksa dijalankan semula.

Dari mana datangnya undi BN? Umumnya, undi BN datangnya daripada mereka yang sebelum ini mengundi pembangkang, tetapi beralih kepada BN, pengundi atas pagar yang condong kepada BN, pengundi muda yang buat pertama kali mengundi, wanita dan setiap mereka yang mendorong perjuangan BN untuk menegakkan sebuah negara yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.